



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

01 Zulkaedah 1441 / 23 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 01 Zulkaedah 1441H bersamaan 23 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, pada ketika ini, terdapat **432** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,823** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **275 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **26,848 ujian**.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **398,295 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,391** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah 5,628 telah dimuat turun oleh 4,171 premis perniagaan.

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan bahawa berikutan perkembangan terkini situasi penularan COVID-19, beberapa buah negara telah mula mengurangkan sekatan perjalanan dan membolehkan warga asing yang diberi kebenaran untuk memasuki negara-negara berkenaan iaitu dengan mengenakan syarat-syarat tertentu. Di antara syarat yang mungkin perlu dipatuhi ialah mendapatkan ujian swab dengan keputusan negatif sebelum diberikan kebenaran untuk memasuki negara tersebut. Di samping itu, terdapat juga peningkatan permohonan yang diterima oleh Kementerian Kesihatan daripada orang ramai bagi ujian swab COVID-19 untuk tujuan keluar negara untuk sebab-sebab tertentu, iaitu

mereka yang telah diberikan kebenaran untuk keluar negara dari Jabatan Perdana Menteri.

6. Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai caj pembayaran ujian swab COVID-19 untuk orang ramai yang diberikan kebenaran bagi tujuan keluar negara atas alasan-alasan tertentu seperti berikut:

Bil	Kategori	Jumlah Caj Pembayaran
1.	Warga Negara dan Penduduk Tetap	BND\$100.00
2.	Bukan Warga Negara termasuk kad pengenalan warna hijau	BND\$200.00
3.	Pelajar-pelajar Warga Negara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (termasuk pelajar biasiswa dan persendirian yang baru memulakan atau menyambung pelajaran)	Dikecualikan daripada pembayaran
4.	Pegawai-Pegawai Kerajaan di atas urusan rasmi	
5.	Mereka yang mempunyai kebenaran khas daripada Kementerian Kesihatan	

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 01 Zulkaedah 1441H / 23 Jun 2020